# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Lembaga Perlabuhan (Pindaan) 1983**

**DR.10/1983**

DR 10/83

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**Tajuk ringkas.**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1983.

**Pindaan seksyen 3.** *21/63.*

**2.** Seksyen 3 Akta Lembaga Pelabuhan 1963, yang disebut sebagai "Akta ibu" dalam Akta ini adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (*v*) dalam subseksyen (2) perenggan (*w*), (*x*) and (*y*) baru yang berikut:

"(*w*) to dispose by sale or otherwise any report, booklet, periodical or any other publications in relation to the port that has been approved and printed by the authority, its agents, contractor or any other person duly authorised or requested by the authority;

(*x*) to regulate the issue of permits upon such terms and conditions deemed necessary on entry to and exit from the port premises as demarcated by notification in the *Gazette* and to impose fees payable on issue of such permits;

(*y*) to provide facilities for laying-up of vessel and to prescribe fees thereof."; dan

(*b*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "by the authority" dalam perenggan (*a*) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "upon such terms and conditions as the authority may think fit".

Pindaan seksyen 8.

**3.** Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan selepas perkataan "bank" dalam subseksyen (6) perkataan-perkataan "or financial institution"; dan

(*b*) dengan memasukkan selepas perkataan "public" dalam subseksyen (7) perkataan-perkataan "staff welfare fund".

Pindaan seksyen 15.

**4.** Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "the purchase of bicycles, motor cycles and motor cars and for any other purpose approved by the Minister." dalam perenggan (*c*) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "such purposes as approved by the Minister on such terms and conditions as the authority may think fit.".

Pindaan seksyen 16.

**5.** Subseksyen (1) seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "scales of charges" perkataan-perkataan "and impose penalties or interests on outstanding dues"; dan

(*b*) dengan memasukkan selepas perkataan "vessel" dalam perenggan (*g*) perkataan-perkataan "and person".

Pindaan seksyen 19.

**6.** Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Where the authority gives to the officer of the Government whose duty is to grant the port clearance of any vessel, a notice stating that an amount specified therein is due in respect of charges or penalties imposed under this Act or any by-laws made thereunder against the vessel, the owner, agent or master of the vessel, such officer shall not grant any port clearance to such vessel until the amount so leviable or chargeable has been paid or security has been given to the satisfaction of the authority for the amount thereof.".

Pindaan bagi seksyen 29.

**7.** Subseksyen (1) seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan selepas perenggan (*j*) perenggan (*k*) dan (*l*) baru yang berikut:

"(*k*) regulating vehicular traffic, preventing obstruction and keeping order at wharves and docks and for ensuring the safety of the same and any cargo thereon;

(*l*) regulating the towage of or providing other assistance to vessels by the authority and the terms and conditions of such towage or assistance;"; dan

(*b*) dengan menomborkan semula perenggan (*k*) dan (*l*) yang ada sebagai perenggan (*m*) dan (*n*).

Seksyen baru 41A.

**8.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 41, seksyen 41A baru yang berikut:

"Power to board vessels and seize.

41A. (1) The General Manager or such person as may be authorised by him may board any vessel within the port whenever he suspects that an offence under this Act or any by-laws made thereunder has been or is about to be committed on board such vessel or whenever he considers it necessary to do so in the discharge of his duties under this Act or any by-laws made thereunder.

(2) The General Manager or such person as may be authorised by him may, in exercising his powers and carrying out his duties under subsection (1), seize any article, document or thing which he has reasonable ground for believing has been used for the commission of, or is the subject matter of, or is required for the purpose of investigation and prosecution of, an offence under this Act or any by-laws made thereunder.

(3) Any master of such vessel who wilfully delays, fails to comply with any order lawfully given, withold any information or obstructs in any manner whatsoever the General Manager or such person as may be authorised by him pursuant to subsection (1) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit.".

Bahagian VIIA yang baru.

**9.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VII, Bahagian VIIA yang baru seperti berikut:

"PART VIIA

EXTENSION OF THE FUNCTIONS, ETC. OF A PORT AUTHORITY TO OTHER PORTS

Power of Minister to extend port authority's functions to other ports.

47A. (1) The Minister may by order published in the *Gazette* extend the functions, powers, duties and jurisdiction of such port authority to another port or ports.

(2) An order under subsection (1) may provide that the port authority in respect of which it is made shall, in carrying out the administration of the port to which its control is extended, to include among its members such other persons or persons as may be specified in the order either by name or by office.

(3) A port authority in respect of which an order is made under subsection (1) shall be deemed for all purposes to be the port authority in respect of the port specified in the order as if it were a port authority established in respect of that port under this Act and shall in carrying out its functions be styled by such name as may be provided in the order.

47B. A port authority in carrying out its functions in respect of the port to which they are extended shall carry them out as if it were an independant port authority established in respect of such port.

47C. An order of the Minister under section 47A may contain all such provisions as the Minister may deem necessary to enable the port authority specified in the order to carry out its functions in relation to the port over which they are extended.".

Pindaan Jadual Kedua.

**10.** Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan butiran 2 (6) dengan yang berikut:

"(6) The seal of the authority shall be authenticated by either the Chairman and the General Manager or the General Manager and any one

officer of the authority duly authorised by the authority to act in that behalf and any document purporting to be sealed with the said seal, authenticated as aforesaid, shall until the contrary is shown be deemed to have been validly executed.".

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

1. *Fasal 2* mengemukakan tiga perenggan baru iaitu (*w*), (*x*) dan (*y*) dalam subseksyen (2) seksyen 3 bagi maksud mengumpulkan fee berhubungan dengan jualan majalah berkala oleh lembaga, mengenakan fee mengenai pengeluaran pas-pas dan menetapkan fee bagi membolehkan lembaga mengumpulkan caj-caj untuk membaiki vesel-vesel. *Fasal 2* juga bertujuan meminda perenggan (*a*) subsection (2) seksyen 3 untuk membenarkan lembaga mengenakan terma-terma dan syarat-syarat apabila memberi pinjaman.

2. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen (6) dan (7) seksyen 8 dengan membolehkan lembaga mendepositkan wang dalam institusi-institusi kewangan, dan untuk memberi kuasa kepada lembaga membuat caruman kewangan kepada kumpulan-kumpulan wang kebajikan kakitangan masing-masingnya.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda perenggan (*c*) subseksyen (2) seksyen 15 bagi membenarkan lembaga memberi pinjaman untuk apa-apa maksud seperti yang diluluskan oleh Menteri dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana ditentukan oleh lembaga.

4. *Fasal 5* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 16 dengan memberi kuasa kepada lembaga mengenakan penalti atau bunga atas dius yang belum dibayar; dan perenggan (*g*) seksyen 16 bagi meluaskan kuasa-kuasa lembaga untuk mengenakan caj bagi perkhidmatan yang diberikan kepada orang-orang.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen (3) seksyen 19 bagi memberi kuasa kepada lembaga bukan hanya untuk menahan vesel jika caj tidak dibayar oleh vesel tersebut sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta yang sedia ada tetapi juga untuk mengenakan penalti.

6. *Fasal 7* mengemukakan dua perenggan baru dalam subseksyen (1) seksyen 29 dengan memberi kuasa kepada lembaga mengawal lalulintas vesel dan untuk mengadakan terma-terma dan syarat-syarat bagi khidmat penundaan yang diberikan kepada vesel-vesel.

7. *Fasal 8* bertujuan mengemukakan satu seksyen 41A baru bagi memberi kuasa kepada Pengurus Besar atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya menaiki mana-mana vesel jika kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan kecil-nya telah dilakukan atau hampir hendak dilakukan dan jika

perlu boleh mensita apa-apa artikel, dokumen atau barang. Pindaan ini juga menjadikan satu kesalahan kepada mana-mana orang yang enggan membantu Pengurus Besar atau mana-mana pegawai lain yang diberi kuasa olehnya semasa berada di atas vesel.

8. *Fasal 9* mengadakan Bahagian VIIA baru untuk memberi kuasa kepada Menteri meluaskan fungsi, kuasa, kewajipan dan bidang kuasa lembaga pelabuhan yang telah ditubuhkan kepada pelabuhan yang lain.

9. *Fasal 10* bertujuan meminda butiran 2 (6) Jadual Kedua dengan membenarkan kefleksibelan dalam pensahihan dokumen-dokumen.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1159.]